

ISU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN FARDU AIN DI PUSAT BIMBINGAN ISLAM SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

ISSUES OF TEACHING AND LEARNING GUIDANCE PROGRAMS FARDU AIN AT PUSAT BIMBINGAN ISLAM SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

Syahrul Faizaz Abdullah¹

Saudah Ahmad²

Syahrina Abdullah³

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS Universiti Utara, Malaysia,
(E-mail: faizaz@uum.edu.my)

²Pusat Pengajian Tunku Puteri Intan Syafinaz, UUM COB Universiti Utara, Malaysia,
(E-mail: saudah@uitm.edu.my)

³Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS Universiti Utara, Malaysia,
(Email: syahrina@uum.edu.my)

Article history

Received date : 17-11-2024

Revised date : 20-11-2024

Accepted date : 11-11-2024

Published date : 20-3-2025

To cite this document:

Abdullah, S. F., Ahmad, S., & Abdullah, S. (2025).
Isu pengajaran dan pembelajaran Fardu Ain di Pusat
Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam
Shah. *Journal of islamic, social, economics and
development (JISED)*, 10 (71), 98- 108.

Abstrak: Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) yang terletak di Sungai Petani, Kedah Darul Aman berperanan sebagai pusat bimbingan kepada mualaf tempatan dan antarabangsa. Pusat ini menyediakan kelas bimbingan fardu ain sebagai usaha untuk memastikan mualaf dapat memahami asas agama Islam dan dapat mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai isu berkaitan mualaf yang mempunyai pelbagai latar belakang dari segi etnik, bahasa, budaya, agama asal, negeri dan negara yang boleh memberi kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran di PUSBA. Terdapat juga isu berkaitan pentadbiran PUSBA, isu pengajaran dan pembelajaran dan isu peribadi mualaf yang boleh memberi kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran di PUSBA. Isu-isu ini menjadi cabaran kepada PUSBA untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis isu yang dihadapi PUSBA dari segi pengajaran dan pembelajaran dalam melaksanakan program bimbingan kepada mualaf. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan teknik pengumpulan data menggunakan temu bual bersemuka dan data dianalisis secara deskriptif. Hasil analisis mendapati bahawa, terdapat lima isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi oleh PUSBA iaitu (1) isu dari aspek berkaitan modul pengajaran, (2) isu tahap pendidikan pelatih, (3) isu penguasaan bahasa Melayu pelatih, (4) isu kemampuan pelatih mengingati istilah-istilah yang diajarkan dan (5) isu sikap pelatih semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Artikel ini mencadangkan isu-isu ini mesti ditangani secara berkesan bagi memastikan program bimbingan yang dilaksanakan dapat berjalan dengan lancar.

Kata Kunci: *Isu Pengajaran dan Pembelajaran, PUSBA, Fardu Ain, Mualaf*

Abstract: *Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA), which is located in Sungai Petani, Kedah Darul Aman serves as a guidance center for local and international converts. This center provides fardu ain guidance classes as an effort to ensure that converts can understand the basics of Islam and then practice the true teachings of Islam. However, there are various issues related to converts who have various backgrounds in terms of ethnicity, language, culture, original religion, states and country that could affect the teaching and learning at PUSBA. In addition, there are also issues related to the administration of PUSBA, teaching and learning issues and the converts' personal that may affect the teaching and learning at PUSBA. These issues pose a challenge to PUSBA to carry out its responsibilities effectively. Therefore, this study aims to analyse the issues faced by PUSBA in terms of teaching and learning in implementing the guidance program for converts. This study is qualitative in nature using face-to-face interviews data collection techniques and descriptive data analysis. The analysis found five issues related to the teaching and learning faced by PUSBA, which are (1) issues from related to teaching modules, (2) issues related to trainees' (the concerts) education level, (3) issues of trainees' proficiency of Malay language, (4) issues related to trainees' ability to remember terms in taught to them and (5) issues related to trainees' attitude during teaching and learning sessions. This paper suggests that these issues must be addressed effectively to ensure that the guidance program implemented can run smoothly.*

Keywords: *Teaching and Learning Issues, PUSBA, Fardu Ain, Converts*

Pengenalan

Berdasarkan peruntukan undang-undang di Malaysia, pengurusan berkaitan bimbingan dan kebajikan mualaf secara rasminya berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri di bawah peruntukan Enakmen Undang-undang Pentadbiran negeri-negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan pusat. Institusi agama di bawah kerajaan negeri iaitu majlis agama atau jabatan agama berperanan memastikan mualaf yang baru memeluk Islam dapat memahami ajaran Islam yang sebenar dan terus kekal dalam ajaran Islam melalui bimbingan pengajian ilmu Fardhu Ain.

Mualaf amat memerlukan bimbingan kerohanian untuk memastikan dirinya mempunyai hubungan yang erat dengan penciptanya dalam keadaan menyerah diri, tunduk dan patuh. Hubungan ini bina melalui iktikad dari segi kepercayaan (akidah) tentang keesaan Allah SWT, pengamalan ibadah-ibadah ritual dan tingkah laku Islam (akhlak) sebagaimana yang digariskan dalam Islam. Oleh itu, bimbingan yang merangkumi pengajian ilmu-ilmu asas agama Islam (Fardu Ain) berkaitan akidah, fikah, akhlak sangat penting untuk mengukuhkan kefahaman tentang ajaran Islam. Ilmu asas Fardu Ain bermaksud proses melatih diri dari aspek rohani, jasmani dan akal berdasarkan nilai-nilai yang terdapat dalam al-Quran dan Sunnah (Abdul Halim El-Muhammady, 1987). Ilmu Fardu Ain sangat dituntut ke atas setiap muslim untuk mengetahui dan mempelajarinya bagi melaksanakan tuntutan agama dan pembentukan diri setelah memeluk Islam (Siti Fathimatul Zahrah dan A'athiroh Masyaa'il Tan, 2015).

Dalam konteks bimbingan, sesi pengajaran yang baik akan memastikan keberkesanan program bimbingan. Aspek pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas (Shahabuddin et al., 2007). Sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru memadankan kaedah pengajaran dengan objektif pembelajaran pelatih dan gaya pembelajaran mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu berkaitan muallaf terutamanya berkaitan isu bimbingan. Sebagai orang yang baru memeluk Islam, muallaf masih belum memahami sepenuhnya ajaran Islam. Mereka sedang dalam proses membina persepsi diri tentang nilai, kepercayaan serta amalan hidup yang belum pernah diamalkan sebelum ini. Kajian oleh Aidit dan Zulkifli (2013) mendapati masih terdapat muallaf yang belum boleh menghafal Surah al-Fatihah walaupun telah memeluk Islam selama lima tahun. Selain itu yang tidak mendapat bimbingan yang sewajarnya mempunyai pengetahuan tentang Islam yang sangat terhad, tidak mengamalkan Islam dan terdedah kepada gejala murtad (Faizal Ariff, 2013). Syahrul Faizaz (2013) pula mendapati terdapat pihak yang menganggap ketidakcekapan jabatan agama Islam dan majlis agama Islam menguruskan program bimbingan dan kebajikan muallaf sebagai penyumbang kepada ingin keluar daripada Islam. Pihak tersebut menganggap jabatan agama Islam dan majlis agama Islam hanya mementingkan kuantiti bukan kualiti.

Kajian terdahulu juga mendapati bahawa terdapat beberapa isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran muallaf yang menjadi cabaran kepada pusat bimbingan yang disediakan kepada muallaf untuk melaksanakan program bimbingan. Antaranya, tahap pendidikan, tempoh pengajian dan tahap umur serta etnik dan kefahaman yang berbeza, tiada silibus dan kurikulum yang khusus dan sistematik, tahap penguasaan Bahasa Melayu, kepadatan jumlah pelatih di dalam kelas pengajian dan sikap penghuni (Faezy et al., 2020; Yasmoon dan Razaleigh, 2019). Usaha menghasilkan modul pengajaran dan pembelajaran yang sistematik turut menjadi cabaran kepada pusat bimbingan dan terdapat isu berkaitan kefahaman muallaf disebabkan faktor modul yang terdapat di pusat bimbingan terbabit (Ain Nathasha et al., 2017; Azman et al., 2015; Masnih et al., 2017; Syarul Azman et al., 2018).

Berdasarkan dapatan kajian-kajian di atas, jelaslah terdapat beberapa isu berkaitan program bimbingan muallaf dari segi pengajaran dan pembelajaran. Didorong oleh dapatan tersebut, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis isu yang dihadapi oleh Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dari aspek pengajaran dan pembelajaran dalam program bimbingan muallaf. Analisis ini penting bagi menghasilkan cadangan yang menjurus kepada usaha memastikan isu tersebut dapat diatasi dan seterusnya memastikan objektif program bimbingan yang dilaksanakan oleh institusi ini tercapai.

Pengenalan Organisasi Pusba

Resolusi oleh jawatankuasa bagi menangani gejala murtad dalam kalangan muallaf telah menjadi titik tolak penubuhan satu pusat khusus bimbingan kepada muallaf. Rentetan itu, Mesyuarat Majlis telah bersetuju untuk menubuhkan Pusat Bimbingan dan Latihan Saudara Baru (PUSBA) pada 8 Mac 1998 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 April 1999. Mesyuarat Majlis juga telah melantik Ahli Lembaga Tadbir PUSBA bagi melicinkan perjalanan pentadbiran PUSBA. Pada tahun 1999 hingga bulan September 2005, operasi pentadbiran PUSBA ditempatkan di bangunan kepunyaan Masjid Sultan Muzaffar Shah dan 2 kuarters bersebelahan masjid tersebut telah digunakan untuk dijadikan asrama peserta lelaki dan perempuan, serta satu ruang dijadikan pejabat pentadbiran dan bilik kuliah untuk pengajian. Kerajaan Negeri Kedah pula telah memberikan sebidang tanah seluas 1.6 hektar sebagai tapak tetap PUSBA bersebelahan dengan kem 6 Briged di Sungai Petani dan siap pada bulan Oktober 2005. Pada tahun 2007, nama Pusat Bimbingan dan Latihan Saudara Baru telah ditukarkan kepada Pusat Bimbingan Islam. Pada 12 Ogos 2008, PUSBA telah ditukarkan nama kepada Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) (Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman, 2019).

PUSBA melaksanakan tiga peranan utama berikut:

1. Penyedia perkhidmatan pendidikan asas Islam secara intensif.
2. Penyediaan perkhidmatan pemulihan dan pemantapan akidah.
3. Penyediaan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan.

Piagam pelanggan Pusat menetapkan agar perkara-perkara berikut dipatuhi untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah efisien dan memuaskan:

1. Menyedia prasarana bimbingan dan pendidikan yang sempurna sepanjang tempoh kursus.
2. Memberi bimbingan asas Islam sepanjang tempoh kursus mengikut silabus.
3. Memastikan saudara baru meningkat kefahaman dalam masa empat bulan.
4. Memastikan pelatih lulus mengikut tahap yang ditetapkan selepas tamat kursus.

Program bimbingan fardu ain yang dilaksanakan oleh PUSBA dikenali sebagai Program Bimbingan Asas Kefahaman Islam. Program ini dilaksanakan berbentuk kelas pengajian selama 4 bulan bagi setiap sesi yang memerlukan pelatih tinggal di asrama yang disediakan di PUSBA. Setiap tahun pengajian terdiri daripada tiga sesi pengajian iaitu sesi Januari, sesi Mei dan sesi September. Peserta yang lulus akan diberikan Sijil Asas Kefahaman Islam. Pelatih yang gagal diberi peluang mengulang di dalam kelas yang sama pada sesi berikutnya.

“Kalau dia keputusan periksa dia memuaskan dia naik kelas la. Ada juga yang jenis yang tak boleh baca, tak boleh nak menulis. Orang asli ni biasanya kalau dia mengulang pun dia akan ulang kelas yang sama. Sebab dia punya tahap dia tak boleh nak tingi.” (Informan 1, 2019)

Jumlah pelatih bergantung kepada permohonan dan perlu melepasi temuduga kemasukan (Informan 3, 2020). Peluang untuk menyertai pengajian di PUSBA adalah terbuka kepada semua muafak dari semua negeri di Malaysia dan juga dari luar negara. Pelatih yang diterima masuk ke PUSBA perlu memakai pakaian seragam yang disediakan dan mendapat elaun bulanan sebanyak RM300 daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) sepanjang tempoh pengajian. Mereka perlu tinggal di asrama yang disediakan di PUSBA. Namun, terdapat juga pelatih dibenarkan tinggal di luar tetapi kes ini jarang berlaku.

Pelaksanaan kelas pengajian yang dilaksanakan oleh PUSBA berbentuk sistematik, komprehensif dan intensif kerana ia mempunyai jangka masa tertentu, mempunyai modul khusus dan pelatih dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pembelajaran kerana mereka tinggal di asrama. Setiap semester sebanyak dua kelas dibuka – Kumpulan A untuk peringkat permulaan dan Kumpulan B untuk kelas lanjutan. Kumpulan B dikhususkan kepada pelatih daripada Kumpulan A yang telah lulus ujian penilaian akhir dan melepasi syarat dan berminat untuk meneruskan pengajian. Di samping itu, program dan kursus lain turut diadakan pada setiap sesi pengajian untuk memantapkan lagi penghayatan pelatih tentang Islam. Antaranya, Kursus Khemah Ibadah pada setiap penghujung sesi, program bimbingan tetap berbentuk motivasi, bimbingan berkaitan muamalat seperti pengurusan jenazah dan sembelihan binatang. Semasa kajian ini dijalankan, terdapat tiga orang pelatih kumpulan B dan 13 orang pelatih kumpulan A.

PUSBA turut menyediakan kelas pengajian berbentuk mingguan kepada muafak yang tidak dapat mengikut sesi pengajian di PUSBA kerana bekerja, berkahwin atau mempunyai komitmen lain. Sesi pengajian mingguan dilaksanakan sehari seminggu dan dibuka di tujuh daerah di Kedah, Sungai Petani, Baling, Kulim, Kubang Pasu, Pendang, Alor Setar dan Langkawi. Silibus yang digunakan untuk kedua-dua dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)

merangkumi pengajian Tauhid, Fikah, Akhlak, Sirah Rasulullah s.a.w, pelajaran Asas Tilawah Al-Quran dan Asas Tulisan Jawi (Informan 1, 2019).

Subjek Pembelajaran	Topik Pembelajaran
Tauhid	Syahadah, rukun iman, perkara ghaib, perkara yang membatalkan syahadah dan sifat pelaku serta akibat perbuatan tersebut.
Fikah	<i>Taharah</i> (bersuci), kaedah berwuduk tanpa air, solat termasuk perkara wajib dan sunat, puasa, zakat, haji dan umrah.
Akhlak	Akhlak peribadi yang perlu ditonjolkan terhadap manusia, tatatertib apabila menghadiri ke suatu tempat dan pemahaman tentang akhlak mahmudah dan mazmumah.
Sirah	Sejarah susur galur hidup Rasulullah S.A.W sejak lahir sehinggalah tiba saat kewafatan baginda, termasuklah kisah akhlak mahmudah yang ditonjolkan oleh Rasulullah S.A.W terhadap keluarga dan sahabat handai serta masyarakat, strategi pembukaan negara Islam pertama dan mukjizat yang dikurniakan oleh Allah SWT.
Tilawah al-Quran	Pengenalan asas huruf hijaiyah serta kaedah sebutan, hukum tajwid bacaan, mempelajari asas bacaan surah-surah dalam juz amma dan surah-surah lain yang terkandung dalam al-Quran serta menghafaz ayat-ayat lazim.
Jawi	Pengenalan bentuk huruf jawi, cara menulis perkataan jawi, membaca dan memahami teks jawi serta latihan menulis terjemahan teks rumi ke jawi dan rumi ke jawi.

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi oleh PUSBA dalam membimbing mualaf. Analisis akan memfokuskan program bimbingan PUSBA berbentuk sesi pengajian bulanan yang dilaksanakan di PUSBA sendiri. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan teknik pengumpulan data menggunakan temu bual bersemuka. Temu bual dijalankan bersama pengetua PUSBA dan tenaga pengajar PUSBA dengan menggunakan protokol temu bual semi-berstruktur yang dibangunkan oleh penyelidik. Pembentukan soalan-soalan ini adalah berdasarkan tinjauan literatur dan hasil dapatan kajian-kajian lepas. Dua pakar bidang dari bidang pendidikan Islam dan dakwah juga dilantik untuk mengesahkan kandungan soalan berdasarkan objektif kajian. Panel pakar bidang juga bersetuju dan memberi maklum balas yang baik tentang kandungan dan kualiti soalan-soalan dalam temu bual. Pengkaji telah mempunyai sedikit informasi berkaitan kajian dari ulasan kesusasteraan untuk dijadikan sebagai panduan untuk membangunkan protokol temu bual secara semi berstruktur. Namun soalan temu bual ini boleh berubah mengikut jawapan yang diberikan oleh informan. Temu bual semi-berstruktur dipilih kerana ia sesuai digunakan untuk mendapatkan data secara terus dari responden kajian (Isa dan Wahid, 2017) dan mampu mengutip data yang lebih kaya, bermakna dan mendalam (Azman et al., 2015).

Sebanyak enam orang informan dipilih iaitu:

- a. Pengetua PUSBA
- b. Pengajar Mata pelajaran Akidah dan Tilawah
- c. Pengajar Mata pelajaran Sirah dan Tilawah
- d. Pengajar Mata pelajaran Fekah
- e. Pengajar Mata pelajaran Akhlak
- f. Pengajar Mata pelajaran Celik Rumi dan Jawi

Seorang pengetua dipilih kerana informan ini menerangkan secara keseluruhan dengan mendalam dari segi pentadbiran dan bimbingan di PUSBA. Selain itu, beliau terlibat dalam pemantauan program bimbingan ini sama ada dalam kalangan tenaga pengajar atau pelatih. Manakala tenaga pengajar PUSBA dipilih berdasarkan kepakaran tenaga pengajar dalam mata pelajaran yang ditawarkan dalam program bimbingan. Selain itu, mereka mempunyai hubungan secara langsung dan rapat dengan pelatih. Data temu bual telah diterjemah atau ditranskrip bagi mendapat maklumat yang tepat bagi menjawab persoalan kajian.

Dapatan Kajian

Analisis kajian ini berjaya mengenal pasti lima isu yang menjadi cabaran utama kepada proses pengajaran dan pembelajaran di PUSBA. Lima isu tersebut adalah dikelaskan seperti berikut:

Isu Modul Pengajian

Semasa kajian ini dilaksanakan pada tahun 2019, PUSBA masih belum mempunyai modul yang khusus. Bagi mengatasi isu ini PUSBA telah menetapkan silibus dan buku rujukan yang cuba memenuhi silibus yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Buku berjudul *Indahnya Hidup Bersyariat* dijadikan sumber rujukan utama bagi subjek Fikah dan Akhlak. Beberapa bahan pengajaran lain turut digunakan iaitu *kitab Iqra'* dan *Kitab Ruuhul Amin* bagi subjek al-Quran dan *Kitab Misbahul Munir* bagi subjek Tauhid, manakala *Kitab Akhlak Mulia* dan buku *Akhlak ke Arah Membangunkan Akhlak Ummah* susunan pengetua PUSBA sendiri digunakan sebagai bahan pengajaran bagi subjek akhlak. Penyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan dalam petikan berikut:

“Sebenarnya masalah silabus , masalah buku, kami yang tentukan sendiri. Saya dengan guru-guru. Okay..kita nak pakai buku mana? Kita tak melalui Majlis yang tu. Kita sendiri ja. Majlis ni pentadbiran, kewangan...yang tu ja... Buku ni...walau macam mana pun kena guna buku. Cuma pilihan tu kita pilih...Indahnya Hidup Bersyariat. (Informan 1, 2019)

Pada tahun 2015, PUSBA memulakan usaha untuk menghasilkan modul khusus pengajaran dengan melantik panel pakar untuk merangka modul Fikah dan Tauhid. Namun usaha tersebut terhenti kerana Pengerusi Lembaga Pentadbiran PUSBA yang baharu dilantik tidak bersetuju dengan projek tersebut (Informan 1, 2019). Walaupun PUSBA tidak dapat menggunakan modul khusus, proses pengajaran dan pembelajaran masih dapat dilaksanakan dengan baik kerana tenaga pengajar meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan sumber rujukan yang sedia ada seperti yang dinyatakan di atas. Tenaga pengajar juga mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan pelatih dapat memahami dan berminat dengan isi pengajaran (Informan 2, 2020; Informan 3, 2020; Informan 4, 2020). PUSBA memantau pencapaian pelatih melalui penilaian berterusan di dalam kelas dan peperiksaan akhir. Pengetua PUSBA juga memantau proses pengajaran melalui sistem buku rekod pengajaran dan pemantauan langsung semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan di dalam kelas (Informan 1, 2019; Informan 2, 2020; Informan 3, 2020; Informan 4, 2020). Berdasarkan pemerhatian tenaga pengajar, pelatih berminat dengan isi pengajaran, walau bagaimanapun pemahaman mereka tidak setara kerana ada yang berada di tahap cemerlang, sederhana dan lemah.

Isu Tahap Pendidikan Mualaf

Tujuan utama bimbingan PUSBA adalah untuk memberi kefahaman Fardu Ain untuk amalan harian sebagai Muslim. Tujuan peperiksaan pula dilaksanakan untuk menilai tahap pencapaian pelatih untuk kegunaan terutamanya amalan harian sebagai Muslim dan memberi peluang kepada

pelatih untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi. Untuk mencapai tujuan ini, tenaga pengajar di PUSBA berdepan dengan isu yang berpunca daripada latar belakang pendidikan pelatih yang berbeza. Terdapat pelatih yang buta huruf dan yang tidak tahu menulis dengan baik walaupun mereka mengenal huruf. Kelas pelatih tidak dapat diasingkan mengikut latar belakang atau tahap pendidikan bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana jumlah mereka tidak mencukupi untuk pengasingan kelas yang efektif. Pelatih yang buta huruf dan yang tidak boleh menulis dengan baik mengambil masa panjang untuk memahami setiap topik. Pengajar terpaksa mengulang topik yang sama. Kadang-kadang mengambil masa hampir sebulan untuk memastikan pelatih dapat memahami subjek yang diajar. Hal ini adalah seperti yang dimaklumkan oleh informan kajian ini. Pernyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan dalam petikan berikut:

“Selepas itu kalau yang tak boleh menulis pula, kalau kita bagi latihan dan nota tu payah la nak tulis kan. Mereka tak boleh menulis...” (Informan 4, 2020)

“....Asli ni masalahnya dia macam faham apa yang kita cerita. Sebab masa buat ujian dia tak tau nak menulis. Masalah nak menulis tu.” (Informan 2, 2020)

Kalau yang tak boleh menulis dan membaca pula kita kena ulang silabus tu. Kadang-kadang sampai sebulan dok ulang taharah tu lagi.” (Informan 3, 2020)

Bagi mengatasi isu ini, PUSBA telah mengambil inisiatif mengadakan kelas Celik Huruf untuk tulisan Jawi dan Rumi (Informan 6, 2021). Usaha ini menghasilkan kesan positif walaupun sesetengah pelatih terpaksa mengambil masa agak panjang untuk menghabiskan pengajian di PUSBA. Kesan positif tersebut juga memberi manfaat bukan sahaja ketika pelatih menjalani pengajian di PUSBA tetapi juga ketika mereka menyambung pengajian di tempat lain.

Isu Penguasaan Bahasa Melayu

Tahap penguasaan bahasa Melayu yang rendah juga menyebabkan cabaran kepada proses pengajaran dan pembelajaran di PUSBA terutamanya dalam kalangan pelatih berbangsa India, Cina, Orang Asli dan Siam. Ada di antara mereka yang penguasaan ini sangat lemah. Namun begitu, mereka sangat berminat untuk mempelajari asas agama Islam.

“Mereka tak boleh nak cakap bahasa Melayu, tak boleh nak faham bahasa Melayu susah la kita nak sampaikan apa yang kita nak sampaikan kat mereka kan. Jadi mereka hanya bergantung kepada buku la. Macam Thailand tu mereka bergantung kepada buku mereka la.” (Informan 4, 2020)

Bagi mengatasi cabaran ini, tenaga pengajar mengambil inisiatif memberikan rujukan dalam bahasa ibunda pelatih terbabit terutamanya bagi yang berbangsa Siam atau meminta pelatih yang memahami bahasa mereka untuk menterjemahkan syarahan dan kandungan pengajian ke dalam bahasa yang mereka fahami (Informan 2, 2020).

Isu Sikap Pelatih Dalam Kelas

Terdapat juga pelatih yang kurang berkeyakinan dan agak pemalu terutamanya apabila diminta membentangkan tugas dalam kelas. Bagi mengatasi masalah ini tenaga pengajar memberi motivasi kepada pelatih untuk memberanikan diri demi kebaikan mereka pada masa hadapan. “Jadi kalau, saya kata kalau malu, kalau tak berani nak bercakap macam mana kita nak, nak ke hadapan saya maklum. Jadi saya dok didik perkara tu supaya mereka berani la untuk, untuk

bercakap di depan. Tapi apa, sorang dua ja lah yang, yang mampu nak buat pun Dr.” (Informan 5, 2021)

Isu Kemampuan Pelatih Mengingati Istilah

Sesetengah pelatih sukar mengingati isi kandungan pengajaran kerana sukar mengingati istilah-istilah yang baharu bagi mereka seperti istilah berkaitan rukun dan sunat solat atau istilah berkaitan Tauhid. Contohnya, mereka sukar membezakan antara takbiratul ihram dan takbiratul intiqalah. Hal ini menyebabkan tenaga pengajar terpaksa mengulangi isi pengajaran berkaitan. Walau bagaimanapun, kesukaran mengingati istilah tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk belajar melaksanakan ibadah dengan betul kerana adanya latihan amali berkaitan bacaan dan pelaksanaan ibadah. Tenaga pengajar memberikan penekanan latihan amali berkaitan pelaksanaan ibadah pada bulan pertama kemasukan mereka dan keperluan menunaikan solat secara berjemaah di surau PUSBA setiap waktu solat. Pernyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan petikan berikut:

“Tapi ada yang boleh menulis dan ada yang tak boleh terus. Tetapi bila kita tanya boleh takbiratul ihram tak? Tak boleh la ustaz. Tu yang kamu solat Allahu Akbar tu? Haaaa...boleh..Ooo..dia tak tau apa tu istilah tu..tajuk tu... Ha’a. Lepas tu soalan kita bezakan antara Takbiratul Ihram dengan Takbir Intiqalah. Dia senyap dah.” (Informan 2, 2020)

Masalah Umur Dan Kesihatan

Pengambilan pelatih ke PUSBA adalah terbuka kepada semua mualaf di semua peringkat umur. Membimbing pelatih warga emas adalah sedikit mencabar bagi tenaga pengajar kerana mereka agak lambat dari segi memahami isi pengajaran dan pembelajaran. Malah terdapat di antara mereka juga menghadapi masalah kesihatan. Ada ketikanya pelatih tidak dapat mengikuti pelajaran dengan baik dan mereka biasanya dinasihatkan berehat di asrama. Kedua-dua faktor ini menyebabkan mereka memperolehi keputusan ujian yang rendah seperti D atau E. Menyedari hakikat ini, pembimbing di PUSBA berusaha membantu setakat mampu agar mereka memahami dan mengamalkan ajaran Islam dengan lebih baik. Pernyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan dalam petikan berikut:

“Bila usia lanjut, satu, satu perkara, satu perkara lagi dia tak sihat. Haaa jadi kita nak kena hadapi cabaran yang pertama, dah bila dia masuk warga emas ni memang, memang dia lambat lah dari segala segi, bila kita terang dia slow lah.” (Informan 6, 2021)

“Dia memang, haaaa, dari segi masalah kesihatan. Ini kadang-kadang golongan yang kadang dapat D, dapat E. Pertama dah tak boleh buat apa sebab ada kesihatan pula kan, yang kadang-kadang kita tak tau macam mana nak bantu. Cuma kita pun kata dengan dia tak pa la, duduk dalam aaaaa, suasana Majlis Ilmu mudahan-mudahan Allah mudahkan segala urusan.” (Informan 5, 2021)

Pencapaian Merosot

Pencapaian keputusan peperiksaan akhir yang merosot sejak beberapa sesi kebelakangan menjadi cabaran kepada PUSBA. Hal ini juga telah mendapat teguran dari pihak audit dari Majlis Agama Islam Kedah. Setelah diteliti terdapat dua faktor utama yang menyebabkan kemerosotan peperiksaan iaitu (1) terdapat pelatih daripada etnik orang Asli yang kurang celik huruf dan kurang mampu memahami dan menjawab soalan dengan baik; dan (2) terdapat pelatih yang buta

huruf dan kurang fasih berbahasa Melayu. Pernyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan dalam petikan berikut:

“Pasal dok tengok dulu-dulu kita buat periksa dia punya pemarkahan dia okey, tinggi. Tapi, kebelakangan ini dia merosot sikit. Jadi, audit tegur la pasal apa keputusan merosot. Kita check balik lah. Kita check rupanya di kalangan kita tu ramai orang asli. Sesi lepas ramai orang asli. Mungkin dia tau, dia faham soalan tu tapi nak jawab tu dia tak reti. Kemudian, ada yang buta huruf.”

(Informan 1, 2019)

Bagi mengatasi masalah ini, PUSBA mengambil inisiatif melaksanakan peperiksaan akhir dalam bentuk ujian lisan bagi pelatih yang mempunyai masalah tersebut.

Perbincangan

Kajian mendapati bahawa isu yang dihadapi oleh PUSBA dari segi pengajaran dan pembelajaran muafak adalah selari dengan kajian oleh Faezy et al. (2020) dalam aspek berkaitan tahap pendidikan, tahap umur, etnik dan kefahaman yang berbeza, tahap penguasaan Bahasa Melayu dan sikap pelatih. Manakala isu ketiadaan modul khusus pula selari dengan beberapa dapatan kajian terdahulu (Ain Nathasha et al., 2017; Azman et al., 2015; Masnih et al., 2017; Syarul Azman et al., 2018). Jelas bahawa kebanyakan isu yang dihadapi oleh PUSBA adalah sama dengan cabaran yang dihadapi oleh pusat bimbingan muafak lain di Malaysia.

Namun begitu, dapatan kajian ini tentang isu berkaitan masalah kesihatan pelatih kemerosotan pencapaian pelatih pada sesetengah sesi didapati belum dilaporkan oleh kajian terdahulu. Seperti dilaporkan di atas, kemerosotan pelatih bukanlah isu yang sentiasa berlaku kerana berpunca daripada faktor demografi pelatih; dalam kes ini – tahap pendidikan dan latar belakang etnik pelatih. Ini menunjukkan bahawa isu kesihatan pelatih dan kemerosotan pencapaian pelatih juga merupakan cabaran yang perlu diberi perhatian oleh PUSBA dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.

Menariknya, kajian ini mendapati bahawa isu berkaitan kaedah dan cara penyampaian pengajar, kurang penekanan kepada kaedah pengajaran terancang dan aspek pemantauan pelaksanaan pengajaran dalam kalangan tenaga pengajaran (Faezy et al., 2020; Siti Fathimatul Zahrah dan A'athiroh Masyaa'il Tan, 2015) tidak berlaku di PUSBA. Isu seperti yang ditemui oleh kajian mereka tidak berlaku di PUSBA mungkin disebabkan kewujudan silibus yang ditetapkan oleh MAIK, bahan rujukan yang baik, tenaga pengajar yang kompeten, proses penilaian berterusan dan peperiksaan akhir di hujung sesi pengajian serta pemantauan berterusan oleh pengetua PUSBA.

Rumusan dan Cadangan

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa isu yang menjadi cabaran terhadap pengajaran dan pembelajaran program bimbingan muafak di PUSBA merangkumi aspek ketiadaan modul khusus dan isu berkaitan pelatih sendiri iaitu tahap pendidikan pelatih yang berbeza, penguasaan Bahasa Melayu yang lemah, kurang keyakinan diri dan sikap pemalu dan sukar mengingat istilah yang digunakan dalam pembelajaran. Namun begitu, berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di PUSBA boleh dianggap berjaya dilaksanakan dengan baik di sebalik semua isu tersebut. Kejayaan ini berkemungkinan besar dicapai melalui komitmen dan kompetensi tenaga pengajar, penilaian berterusan serta pemantauan bersistematik di PUSBA. Justeru, kajian ini boleh dijadikan panduan bagi pihak

berminat untuk merangka penambahbaikan kepada program bimbingan yang seumpamanya dari aspek pengajaran dan pembelajaran.

Kewujudan modul khusus boleh menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran program bimbingan mualaf di PUSBA. Maka, kajian ini mencadangkan agar kajian seterusnya memberi tumpuan kepada usaha berkaitan penghasilan modul khusus mengikut keperluan dan demografi pelatih.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian dari hasil penyelidikan di bawah Geran Lembaga Zakat Negeri Kedah melalui Institut Penyelidik Inovasi Zakat (IPIZ) Universiti Utara Malaysia bertajuk **KEBERKESANAN PROGRAM BANTUAN MUALAF DI PUSAT BIMBINGAN DAN LATIHAN SAUDARA BARU (PUSBA) Kod S/O 14277**

Rujukan

- Abdul Halim El-Muhammady. (1987). Pendidikan Islam: Skop dan Matlamatnya. *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil 1.
- Aidit Ghazali dan Zulkifli Abdul Hamid. (2013, 7 - 8 September). Kajian Berkaitan Kepuasan Responden Terhadap Program Bantuan Kepada di Negeri Selangor. *Persidangan Antarabangsa Pembangunan (ICMuD 2013)*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Selangor, Malaysia.
- Ain Nathasha Omar, Mariam Abd. Majid, dan Noraini Mohamad. (2017). Penerimaan Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*,
- Azman Ab. Rahman, Irwan Mohd Subri, Mahazan Abdul Mutalib @ Taib, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Rose Irnawaty Ibrahim, dan Norlina Ismail. (2015). Persepsi mualaf terhadap pengisian pengislaman dan program pembangunan mualaf: Kajian di Negeri Sembilan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 6(1), 135-148.
- Faezy Adenan, Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Izzat Amsyar, Mohd Arif Azri Bhari, Asmaa' Mohd Arshad, dan Siti Afifah Mat Rani. (2020). Analisis Modul Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Kelas Pengajian Di Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 19-30.
- Faizal Ariff Tajul Arifin. (2013, 7 - 8 September). Dulu Mualaf Kini Murtad. *Persidangan Antarabangsa Pembangunan Mualaf 2013 (ICMuD 2013)*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Selangor, Malaysia.
- Informan 1. (2019, 13 Februari). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Program Bimbingan di PUSBA [Interview].
- Informan 2. (2020, 22 Januari). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Program Bimbingan di PUSBA [Interview].
- Informan 3. (2020, 22 Januari). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Program Bimbingan di PUSBA [Interview].
- Informan 4. (2020, 22 Januari). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Program Bimbingan di PUSBA [Interview].
- Informan 5. (2021, 20 Januari). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Program Bimbingan di PUSBA [Interview].
- Informan 6. (2021, 21 Januari). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Program Bimbingan di PUSBA [Interview].
- Isa, M. dan Wahid, H. (2017). Peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam Pembangunan Pendidikan Asnaf Mualaf: Kajian Kes Kolej Dar al-Hikmah. In *Book: Memperkasakan*

- kutipan dan agihan zakat di Malaysia. USIM
Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman. (2019). PUSBA. Retrieved from
<https://maik.kedah.gov.my/index.php/pusba-hubungi-kami/>
- Masnih Mustafa, Nur Aimie Syarmimi Jaafar, dan K. Ali. (2017). Management of Dakwah Towards Muallaf: A Case Study at Kompleks al-Saadah, Seremban International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSAH), Open University of Malaysia.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, dan Mohd. Zohir Ahmad. (2007). Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Siti Fathimatul Zahrah, Y. dan A'athiroh Masyaa'il Tan, A. (2015). Pengajaran pendidikan Islam terhadap muallaf: Satu tinjauan literatur. Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah, UKM, Bangi.
- Syahrul Faizaz Abdullah. (2013). Pendekatan dan Cabaran Organisasi Dakwah Menangani Masalah Hubungan Etnik di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syarul Azman Shahrudin, Hanis Najwa Shahrudin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, dan Mustafa Kamal Amat Misra. (2018). Tahap Kefahaman Akidah dalam Kalangan Muallaf di Negeri Selangor. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(1), 82-91.
- Yasmoon Mohamed dan Razaleigh Muhamat@Kawangit. (2019). Tahap Kepuasan Muallaf Terhadap Pengurusan Kelas Bimbingan Agama Oleh Majlis Agama Islam Kelantan (Maik). *Al-Hikmah*, 11(2), 88-98.